

10/07/1998

LRT sedia khidmat percuma terhad

KUALA LUMPUR, Khamis - Mereka yang mempunyai tiket percuma bagi menyaksikan perasmian Kompleks Sukan Negara di Bukit Jalil Sabtu ini boleh menggunakan perkhidmatan transit aliran ringan (LRT) - juga secara percuma pada hari berkenaan.

Menurut kenyataan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hari ini, perkhidmatan percuma LRT untuk pemegang tiket itu bermula dari jam 3 petang hingga 2 pagi Ahad.

Kompleks itu dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada jam 9.30 malam.

Semalam, Pengerusi Jawatankuasa Pengangkutan Kuala Lumpur '98, Datuk Pahamin A Rajab, memberitahu sidang akhbar, perkhidmatan percuma itu boleh didapati dari 13 stesen LRT.

Stesen itu ialah di Jalan Sultan Sulaiman, Bandaraya, Masjid Jamek, Plaza Rakyat, Hang Tuah, Pudu, Chan Sow Lin, Cheras, Salak Selatan, Bandar Tun Razak, Tasik Selatan, Sungai Besi dan Bukit Jalil.

Bagi mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan pengangkutan lain seperti bas Park May, Intrakota dan komuter ke kompleks itu, perlu membayar tambang ditetapkan oleh syarikat pengangkutan berkenaan.

Kenyataan JPJ menjelaskan, tiket percuma yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan itu adalah tiket masuk ke Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil dan bukannya tiket percuma bagi pengangkutan yang disediakan, kecuali LRT.

(END)